

KESIHATAN & PERUBATAN

Beza denggi daripada Covid-19

Soal jawab *Berita Harian* bersama Konsulten Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit, Dr Chia Po Ying

SOALAN: Mungkin sukar mengetahui adakah seseorang itu menghidap denggi kerana gejalanya pada peringkat awal mungkin serupa dengan Covid-19.

Bagaimanakah seseorang boleh menentukan sama ada gejala mereka mungkin disebabkan oleh Covid-19 ataupun denggi?

DR CHIA: Gejala denggi termasuk demam, sakit kepala, sakit otot dan sendi, ruam, muntah, mudah lebam, pendarahan ringan daripada hidung atau gusi atau loya.

Covid-19 pula, gejalanya termasuk demam dan lebih banyak gejala pernafasan: batuk, hidung berair, sakit tekak, hilang deria bau atau rasa serta sesak nafas.

Bagaimanapun, bagi kedua-duanya, ujian diagnostik ada tersedia. Denggi disahkan melalui ujian darah. Covid-19 disahkan melalui ujian pantas antigen (ART) atau ujian tindak balas rantaian polimerase (PCR).

SOALAN: Apabila menyadari bahawa gejala tersebut berkemungkinan disebabkan oleh denggi, apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang dengan serta-merta?

DR CHIA: Mereka perlu berjumpa doktor kerana denggi hanya boleh disahkan melalui ujian darah.

Di klinik, selepas pengesahan denggi, nasihat khusus tentang perkara yang perlu diperhatikan, apakah tanda-tanda amaran.

Susulan untuk ujian darah biasa dalam fasa penyakit akut juga diperlukan.

SOALAN: Bolehkah anda menggariskan senario kes terbaik dan kes terburuk bagi seseorang yang menghidap denggi?

Bagaimanakah ini berbeza daripada Covid-19?

DR CHIA: Terdapat beberapa klasifikasi keparahan untuk denggi. Salah satunya ialah klasifikasi 2009 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di bawah klasifikasi ini, keteru-

kan denggi dikelaskan kepada tiga klasifikasi berbeza:

1. demam denggi,
2. demam denggi dengan tanda amaran, dan
- 3 denggi yang teruk.

Sudah tentu, kes senario yang terbaik ialah demam denggi dengan sendirinya tanpa tanda amaran ataupun denggi tanpa gejala.

Senario terburuk ialah denggi teruk, dengan ciri pendarahan teruk, kerosakan organ yang teruk – contohnya, jantung/otak/hati dan lain-lain cedera teruk.

Apa yang akan berada di tengah-tengah adalah orang yang menghidap denggi dengan tanda amaran.

Tanda-tanda amaran ini diterangkan untuk membantu mengenal pasti orang yang mungkin terus menghidap denggi yang teruk. Tanda amaran ini termasuk:

- Pendarahan mukosa (gusi, hidung, darah dalam air kencing, darah dalam najis, pendarahan haid yang banyak)
- Sakit abdomen/perut yang teruk
- Muntah yang berterusan sehingga tidak dapat menahan cecair
- Kelesuan atau perubahan dalam kewaspadaan
- Sesak nafas
- Terdapat juga beberapa tanda amaran yang hanya boleh diambil semasa pemeriksaan atau ujian darah biasa contohnya, pembesaran hati, peningkatan kepekatan darah.



DR CHIA PO YING: Menerangkan dengan terperinci perihai denggi dan Covid-19. – Foto NCID

Perkara lain yang perlu diberi perhatian termasuk:

1. Pening apabila berdiri atau duduk
2. Keluaran air kencing berkurangan
3. Pengambilan melalui mulut yang kurang baik yang turut menjejaskan pengambilan cecair.

Covid-19 juga terdiri daripada keadaan yang ringan hingga teruk tetapi sangat berbeza dan kebanyakannya melibatkan paru-paru de-

hipertensi/tekanan darah dan diabetes/kencing manis.

SOALAN: Daripada pengalaman anda merawat pesakit denggi, bolehkah anda berkongsi beberapa kisah pesakit yang menghidap penyakit ini baru-baru ini? Apakah gejala yang paling teruk telah mereka alami dan bagaimanakah perjalanan pemulihan mereka?

DR CHIA: Denggi juga dikenali sebagai demam patah tulang sehingga boleh menyebabkan sakit otot dan sendi yang agak teruk.

Bergantung pada keterukan, perjalanan pemulihan boleh sesingkat beberapa hari hingga beberapa minggu.

Namun, jika denggi yang teruk, perjalanan pemulihan boleh berlarutan dan berlangsung selama berbulan-bulan.

SOALAN: Denggi bukanlah penyakit baru, tidak seperti Covid-19 yang baru-baru ini wujud. Patutkah rakyat Singapura memandang remeh terhadap tahap teruknya sakit denggi? Kenapa atau kenapa tidak?

DR CHIA: Tidak, pasti tidak. Kita mempunyai kematian denggi, dan kita benar-benar harus tekad mencegah kematian ini.

SOALAN: Daripada pengalaman anda merawat pesakit denggi, apakah satu pemerhatian yang membim-

bankan anda dalam kalangan pesakit? Apa yang boleh mereka lakukan sebaliknya?

DR CHIA: Saya rasa bahagian yang paling membimbangkan ialah kelewatan dalam menyampaikan kepada penjaga kesihatan. Saya mengesyorkan agar orang ramai datang awal, dapatkan diagnosis awal, supaya pemantauan yang sesuai boleh dilakukan dan sokongan penjagaan awal boleh diberikan.

SOALAN: Apakah yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk mencegah denggi?

DR CHIA: Pencegahan jangkitan denggi adalah kunci utama seseorang boleh mengamalkan langkah 'Mozzie Wipeout 'B-L-O-C-K' sekali seminggu dengan membuang air yang bertakung.

Bagi melindungi diri anda dan orang tersayang, anda boleh:

1. Keluarkan atau lap tempat pembiakan nyamuk dengan kerap (contoh, saluran air bumbung, pasu bunga, pasu);
2. Sapukan krim penghalau serangga untuk mengurangkan risiko gigitan nyamuk;
3. Ambil langkah berjaga-jaga semasa melakukan perjalanan ke kawasan demam denggi (seperti memakai pakaian lengan panjang dan seluar atau menggunakan kelambu semasa tidur).

Sekiranya anda dijangkiti denggi, satu perkara penting yang perlu dilakukan ialah berjumpa doktor lebih awal untuk mengurus gejala denggi dan mengurangkan penyakit yang teruk.

Memang penting memantau dehidrasi dan tanda amaran (disebutkan sebelum ini – iaitu pening apabila berdiri atau duduk, air kencing berkurangan, sakit perut, muntah tanpa henti dengan cecair atau kurang selera makan dengan pengambilan cecair yang juga berkurangan).

Itu juga penting mengetahui apabila demam mula berhenti atau tanpa demam, itulah masanya apabila tanda amaran berlaku dan kesihatan anda semakin merosot.

Perihai denggi dan Covid-19

PERSAMAAN ANTARA VIRUS COVID-19 DENGAN DENGGI

- ◆ Kedua-dua penyakit ini disebabkan oleh virus.
- ◆ Boleh menyebabkan gejala demam, sakit sendi dan pening kepala.
- ◆ Berlaku dalam jangka masa beberapa hari.
- ◆ Boleh berjangkit.
- ◆ Kedua-dua penyakit ini boleh membawa maut jika tidak dirawat dengan baik.
- ◆ Ia boleh memberi kesan kepada jantung, otak, hati dan buah pinggang.
- ◆ Kelelahan badan.

PERBEZAAN DENGGI DARIPADA COVID-19

Gejala Demam

Denggi: Ringan atau sederhana; 37,5 darjah Celsius hingga 39 darjah Celsius yang mungkin akan berterusan selama beberapa hari sehingga tujuh hari.

Covid-19: Demam hingga mencecah 40 darjah Celsius hingga 41 darjah Celsius dari hari pertama hingga hari kelima/keenam dan demam reda seketika dan kembali pada pada hari ketujuh/kelapan (demam dwifasa).

Sakit Sendi dan Otot

Denggi: Sangat kerap (denggi juga dikenali sebagai 'break-bone fever' – demam patah tulang)

Covid-19: Sekitar 15 peratus daripada pesakit Covid-19.

Jenis

Denggi: Disebabkan oleh Arbovirus (keluarga Flavi-viridae).

Covid-19: Disebabkan oleh virus SARS Cov-2 (keluarga koronavirus). Penyakit yang mengganggu sistem pernafasan sementara denggi adalah penyakit bawaan vektor yang berkemungkinan boleh menyumbang kepada masalah pernafasan.

Gejala

Denggi: Demam tinggi, letih badan dan sakit otot/sendi, sakit kepala termasuk sakit di belakang mata dan mungkin juga akan ada ruam di seluruh badan (tompok-tompok putih di kulit yang merah), loya, muntah, cirit-birit dan sakit perut.

Covid-19: Gejala penyakit sistem pernafasan seperti batuk, mata merah, sesak nafas, hilang deria rasa dan bau, pula amat spesifik dengan penyakit Covid-19.

Tempoh Inkubasi dan Jangka Masa Penyakit

Denggi: Tiga hingga 10 hari.

Covid-19: Tujuh hingga 21 hari.

Cara Penyebaran dan Jangkitan

Denggi: Penyakit demam akut, yang disebabkan oleh jangkitan daripada salah satu daripada empat (4) jenis RNA Flavivirus iaitu DENV-1, DENV-2, DENV-3, atau DENV-4.

Ia disebarkan melalui gigitan nyamuk Aedes betina, iaitu nyamuk Aedes aegypti dan Aedes albopictus, yang membiak di dalam bekas air yang terkumpul seperti di pasu bunga dan longkang yang tersumbat.

Disebarkan oleh vektor nyamuk Aedes

Covid-19: Virus yang disebarkan melalui batuk dan bersin, melalui sentuhan tangan dan juga sentuhan dengan sebarang objek yang tercemar contohnya di permukaan meja dan tombol pintu


Cara dan Punca Kematian (Sedikit Perbezaan)

Denggi: Sindrom Tekanan Darah Rendah Denggi dan Demam Denggi Berdarah.

Covid-19: Sindrom Masalah Pernafasan Akut.

Sumber:

- www.cdc.gov
- www.sciencedirect.com
- www.who.int



PENULARAN VIRUS: (Bahagian kanan) Cara penularan novel koronavirus Covid-19 daripada individu kepada individu lain adalah melalui titisan daripada hidung atau mulut yang tersebar apabila seseorang yang dijangkiti Covid-19 batuk atau bersin.

Seseorang itu juga boleh dijangkiti Covid-19 jika mereka berada dekat dengan pesakit Covid-19 yang batuk, bersin atau bercakap dalam jarak dekat.

(Bahagian kiri) Demam denggi adalah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk Aedes aegypti yang telah dijangkiti. Terdapat empat jenis virus yang boleh menyebabkan demam denggi (DEN 1, DEN 2, DEN 3 dan DEN 4).

Jangkitan oleh salah satu jenis virus akan memberikan imuniti terhadap virus jenis itu sahaja, jika individu tinggal di kawasan jangkitan denggi, mereka boleh dijangkiti lebih daripada sekali semur hidupnya. – Foto-foto ISTOCK



JENIS VIRUS: Koronavirus adalah satu keluarga besar virus yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan seperti SARS dan MERS-CoV manakala koronavirus terbaru dan menjadi pandemik di seluruh dunia kini dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019 (Covid-19).



CARA MEREBAK: (Gambar sisipan) Demam denggi adalah disebabkan oleh virus denggi. Ia merebak melalui gigitan nyamuk aedes. Dianggarkan terdapat lebih 100 juta kes denggi di serata dunia setiap tahun.